

RANCNAGAN PERN'AGAAN
ETR 300

KIDDY'S WORLD

DPA / MEI - OKT 1998
ITM MELAKA

Pelajar Diploma Pentadbiran Awam (05)
Institut Teknologi MARA
KM 26, Jalan Lendu
78000, Alor Gajah

22 September 1998

Encik Syawal Bin Kaslam
Pensyarah Asas Keusahawanan (ETR 300)
Institut Teknologi MARA
KM 26, Jalan Lendu
78000, Alor Gajah

Tuan,

Penyerahan Laporan Rancangan Perniagaan

Merujuk kepada perkara di atas adalah dimaklumkan bahawa kumpulan kami telah diarahkan untuk menyediakan satu laporan Rancangan Perniagaan yang bertajuk “Produk Permainan dan Hiburan Berilmiah Untuk Kanak-Kanak” bagi memenuhi keperluan kursus bagi matapelajaran Asas Keusahawanan (ETR 300).

2. Laporan ini telah disediakan mengikut arahan-arahan, tatacara dan prosedur seperti yang telah diarahkan. Kami memilih perniagaan ini kerana ia mempunyai prospek yang luas dan berpotensi daya maju yang tinggi serta dapat menghasilkan pendapatan yang menguntungkan. Malah kami berpendapat bahawa ianya juga merupakan satu usaha untuk membina minda generasi muda amnya dan masyarakat umumnya melalui produk yang mempunyai unsur-unsur pendidikan.
3. Penyerahan laporan ini dibuat selewat-lewatnya pada atau sebelum 25 September 1998. Dengan ini kami menyerahkan laporan Rancangan Perniagaan ini dan kami bersedia untuk memberikan maklumat tambahan sekiranya perlu berbuat demikian. Kami berharap agar pihak tuan berpuashati dengan usaha kami dalam penyediaan laporan Rancangan Perniagaan ini.

Segala pertimbangan dan jasa baik dari pihak tuan kami dahulukan dengan ucapan jutaan terima kasih.

Yang Benar,

.....
YUSNALIZA BT MD YUSOP
(Wakil Pekongsi)

PENGENALAN



Sesungguhnya Allah S.W.T telah menetapkan rezeki setiap hambanya di muka bumi ini. Walaupun begitu, manusia seharusnya berusaha mencari rezeki yang halal dan diredhai Allah. Sembilan daripada sepuluh rezeki itu datangnya dari bidang perniagaan. Jesteru itu, kami telah nekad dan bersatu hati untuk mengusahakan perniagaan produk permainan dan hiburan berilmiah untuk kanak-kanak . Sememangnya bidang keusahawanan menuntut sifat ketabahan, kegigihan, keberanian, waja diri dan jati diri untuk menempa kegemilangan. Selain daripada semangat jitu, sifat kreatif, prihatin dan produktif harus sebat dalam diri pengusaha. Namun dalam mengejar kejayaan dan kekayaan, pengusaha tetap terikat dengan landasan yang hakiki seperti dituntut oleh syariah tanpa mengabaikan keadilan manusia sejagat.


KIDDY'S WORLD ditubuhkan kerana kami mendapati perusahaan ini masih belum diterokai sepenuhnya oleh golongan bumiputera terutamanya di Negeri Sembilan. Perusahaan ini berdaya maju dan mempunyai prospek serta potensi yang luas pada masa hadapan. Memandangkan ibu-bapa dewasa ini mementingkan barang permainan yang mempunyai unsur-unsur pendidikan. Berteraskan keyakinan ini kami berusaha memenuhi keperluan masyarakat yang datangnya daripada pelbagai status bagi membentuk generasi muda yang kreatif dan inovatif.

Syarikat ini bertanggungjawab memasarkan produk permainan dan bahan hiburan berilmiah untuk kanak-kanak merangkumi pelbagai permainan . Kami juga memberi perkhidmatan hiburan yang mendidik kepada kanak-kanak. Secara kolektifnya, kami yakin

akan memperolehi keuntungan berdasarkan kepada faktor-faktor di atas. Dengan adanya inisiatif dan inovasi yang terkini dalam konteks rancangan, syarikat perkongsian kami mampu menambat dan memikat hati pelanggan. Sasaran pasaran kami bukan sahaja meliputi bandar Seremban di Negeri Sembilan, tetapi sekiranya diizinkan Allah, ia bakal meliputi keseluruhan Malaysia. Insyaa-Allah.

Semoga segala usaha kami akan diberkati dan diredhai oleh Allah, Tuhan Yang Esa.

OBJEKTIF PERNIAGAAN



Pihak organisasi telah menggubal beberapa objektif perniagaan dalam usaha memastikan hubungan baik antara pekerja dengan majikan dapat dipupuk dan dapat mencapai matlamat organisasi. Antaranya ialah;

- Mematuhi undang-undang dan peraturan -peraturan perniagaan yang telah ditetapkan atas persetujuan bersama antara pekerja dan majikan.
- Sekiranya terjadi sebarang pertelingkahan antara pekerja dan majikan, majikan hendaklah menyelesaikannya secara baik dan toleransi.
- Majikan hendaklah mengambilkira tentang pendapat dan komen pekerja agar wujud satu hubungan yang baik.
- Satu perjanjian bertulis hendaklah disediakan diantara majikan dan pekerja bila mana jangka masa perlantikan adalah melebihi satu bulan.
- Majikan mestilah mematuhi segala syarat yang telah ditetapkan di dalam *Buku Panduan Pekerja Tentang Undang Buruh Malaysia*.
- Notis selama sekurang-kurangnya tiga bulan haruslah diberikan kepada pihak pengurusan sekiranya pekerja berhajat untuk berhenti kerja dengan mengemukakan alasan.
- Pemberhentian pekerja akan dibuat dengan memberikan notis tujuh hari sebelum pemberhentian dengan mengemukakan sebab-sebab pemberhentian.
- Pihak pekerja dan majikan mestilah memahami syarat-syarat dan peraturan-peraturan yang telah ditetapkan sebelum mengikat perjanjian.